


PROSIDING
N A R A D A T A
2020
BAHASA, SASTERA & BUDAYA



3 Disember 2020

Penyelidikan Bahasa, Sastera & Budaya
dalam Era Pandemik

Editor:

Ahmad Fuad Mat Hassan
Khairul Faiz Alimi

Mashetoh Abd. Mutalib
Maizatul Azura Yahya

Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

E-Prosiding
NARADATA 2020
Bahasa, Sastera dan Budaya

Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya
dalam Era Pandemik

3 Disember 2020

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Editor

Ahmad Fuad Mat Hassan
Khairul Faiz Alimi
Mashetoh Abd. Mutalib
Maizatul Azura Yahya
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim



PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah, Malaysia

Tel: +604928 5707
Faks: +604928 5709
E-mel: slcp@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://slcp.uum.edu.my/>

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam prosiding ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

eISBN 978-967-2486-38-1



Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-Prosiding NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya
dalam Era Pandemik, 3 Disember 2020

Editor: Ahmad Fuad Mat Hassan
e-ISBN 978-967-2486-38-1

1. Bahasa
2. Sastera
3. Budaya
4. Era Pandemik

I. Ahmad Fuad Mat Hassan. II. NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik/ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

Editor:
Ahmad Fuad Mat Hassan
Khairul Faiz Alimi
Mashetoh Abd. Mutalib
Maizatul Azura Yahya
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim

Reka bentuk kulit:
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim

KATA PENGANTAR

Jawatankuasa penganjur dengan sukacitanya mengalu-alukan semua peserta ke Seminar Dalam Talian 2020 (NARADATA 2020). Seminar kali pertama ini dianjurkan oleh Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Matlamat utama seminar adalah untuk memberikan peluang dan ruang kepada warga SLCP secara khusus dan UUM amnya serta ahli akademik dari institusi yang lain untuk berkongsi pandangan dan membentangkan dapatan kajian dalam bidang masing-masing bagi memperkukuh rentas bidang ilmu iaitu, bahasa, sastera dan budaya dalam era pandemik.

Setelah proses pemurnian, prosiding NARADATA 2020 berjaya mengumpulkan sejumlah makalah yang membincangkan pelbagai disiplin ilmu dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19. Makalah-makalah ini membincangkan isu penyelidikan bidang bahasa, sastera dan budaya dalam era pandemik termasuklah cabaran pengumpulan data lapangan, kaedah penyelidikan dan cabaran pembelajaran dalam era pandemik. Terdapat sebilangan makalah yang mengkhusus persoalan agama dan cabaran perniagaan dalam era pandemik.

Sebagai menutup kata, kami merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pimpinan universiti, pimpinan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, para pembentang, pemakalah, dan peserta kerana telah berusaha keras untuk menjayakan seminar ini. Semoga usaha baik ini dapat meningkatkan perbincangan pelbagai disiplin ilmu terutama sekali dalam bidang bahasa, sastera dan budaya mengikut konteks semasa.

Jawatankuasa Prosiding

Seminar NARADATA 2020: Bahasa, Sastera dan Budaya
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok Kedah.

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	II
Isi Kandungan	III
Kajian Lapangan Dialek Melayu Dalam Era Pandemik Covid-19: Antara Penyesuaian Dan Hambatan <i>Tarmizi Hasrah</i>	1
Penyelidikan Bahasa Berasaskan Data Raya Era Pandemik <i>Hishamudin Isam</i>	8
Variasi Bahasa Dalam Teks Ucapan Pm <i>Ainal Akmar Haji Ahmad, Maizatul Azura Yahya & Nasihah Hashim</i>	21
Pendekatan Psikolinguistik Dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Prasekolah Di Era Pandemik Covid-19 <i>Marzalina Mansor</i>	28
Komunikasi Visual Dalam Infografik Khidmat Masyarakat Covid-19 Di Media Sosial <i>Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Nasihah Hashim & Maizatul Azura Yahya</i>	35
Memfaatkan Kaedah 'Teroka Jumpa' Dalam Bidang Sociolinguistik Di Era Pandemik <i>Mashetoh Abd. Mutalib</i>	45
Pendekatan Al-Quran Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19 <i>Syed Sultan Bee Packeer Mohamed</i>	50
Terminologi Covid-19: Peristilahan & Penerimaan Masyarakat Di Laman Sosial <i>Mohamad Zakuan Tuan Ibharim</i>	58
Retorik Persuasif Dalam Teks Khutbah Era Pandemik Covid-19 <i>Nasihah Hashim, Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya & Arina Johari</i>	67
Aplikasi Web 2.0 Untuk Keperluan Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Bagi Kursus-Kursus Teras Universiti Di Jabatan Tamadun Dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia Dalam Era Pandemik Covid-19 <i>Sharifah Ismail, Rukhaiyah Haji Abd Wahab & Rafidah Mohamad Cusairi</i>	74
Analisis Wacana Sidang Media Covid-19 Kementerian Kesihatan Malaysia: Satu Perspektif Analisis Perbualan Sacks 1974 <i>Shamin Sharif & Aniswal Abd Ghani</i>	81
Boleh Dipegang Boleh Ditundukkan: Mengkonkritkan Yang Abstrak Tentang Covid-19 Sebagai Peristiwa Berita <i>Rohizah Halim</i>	92
Cabaran Pelajar Pengantar Penulisan Ketika Mengikuti Pembelajaran Maya Pada Era Pandemik <i>Khairul Faiz Alimi, Nur Azulia Kamarudin & Rukhaiyah Haji Abd. Wahab</i>	103

NARADATA 2020: BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik 2020

Analisis Gaya Bahasa Penegasan Belanjawan 2021 Dalam Pasca Pandemik Covid-19 <i>Nor Hafidah Ibrahim</i>	114
Pengkajian Dan Penulisan Sejarah Era Pandemik: Terbantutkan? <i>Nor Azlah Sham Rambely & Rashidah Mamat</i>	120
Petugas Barisan Hadapan Covid-19: Analisis <i>Rukhsah</i> Dalam Pelaksanaan Solat Fardu <i>Mohamad Khadafi Hj. Rofie, Syed Sultan Bee Packeer Mohamed, Muhamad Amar Mahmud & Nor Hanani Ismail</i>	133
Cabaran Dan Kesan Budaya Pembelajaran Maya Era Pandemik Terhadap Pelajar Kursus Kuantitatif <i>Nur Azulia Kamarudin, Rukhaiyah Haji Abd. Wahab & Khairul Faiz Alimi</i>	143
Rekayasa Pendidikan Menangani Pandemik Covid-19 Menerusi <i>Engkaulah Adiwiraku</i> <i>Mohd Haniff Mohammad Yusoff & Nadiatul Shakinah Abdul Rahman</i>	152
Impak Covid-19 Pandemik Terhadap Emosi Pelajar Falsafah Dan Isu Semasa <i>Rukhaiyah Haji Abd Wahab, Khairul Faiz Alimi & Nur Azulia Kamarudin</i>	160
Isu Dan Cabaran Bagi Perniagaan Keluarga Muslim Sewaktu Pandemik Covid-19 <i>Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad & Afifah Abu Yazid</i>	170
Pandemik Covid-19 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Pelajar Asasi Di Universiti Utara Malaysia (UUM). <i>Haslinda Hj. Hasan & Zulhilmi Paidi</i>	177
Berselindung Di Sebalik Seloroh: Implikatur Dalam Hantaran Facebook Unit Pendidikan Kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar Ketika Pandemik <i>Yusniza Yaakub</i>	184
Pandemik Dalam Karya Sastera: Ceritera Kehidupan Manusia <i>Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali & Muhammad Wafi Ramli</i>	191

**KOMUNIKASI VISUAL DALAM INFOGRAFIK KHIDMAT MASYARAKAT COVID-19 DI
MEDIA SOSIAL**

Arina Johari¹
arinajr@iium.edu.my

Nurul Jamilah Rosly²
nuruljamilah@iium.edu.my

Nasihah Hashim³
h.nasihah@uum.edu.my

Maizatul Azura Yahya⁴
maizatul@uum.edu.my

^{1,2} Kulliyah of Languages and Management
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

^{3,4} Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti simbol visual semiotik yang digunakan dalam infografik pesanan khidmat masyarakat dan menganalisis makna sebenar yang ingin disampaikan berdasarkan pendekatan pragmatik. Data kajian menggunakan bahan infografik khidmat masyarakat mengenai isu Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan" yang dikongsi oleh Kementerian Pengajian Tinggi di laman rasmi *Twitter* pada 2 September 2020. Metode penelitian analisis ialah kualitatif dengan mengaplikasikan kerangka teori Semiotik Peirce (1839-1914) dan Teori Relevan oleh Sperber dan Wilson (1986). Dapatan kajian menunjukkan simbol visual dalam bahan kajian menepati tiga elemen yang digariskan dalam teori semiotik, iaitu bentuk, warna, dan tulisan & mesej; menginterpretasikan usaha mengajak masyarakat supaya bersama-sama membantu kerajaan sepanjang pandemik Covid-19 dengan menjaga keselamatan diri sendiri serta ahli keluarga. Ketiga-tiga elemen semiotik visual yang dikenal pasti turut memperlihatkan hubungan makna sebenar melalui penggunaan maklumat konteks dan andaian kognitif yang terdapat dalam teori Relevan. Dapatan turut memperlihatkan simbol-simbol visual dalam data kajian bersifat jelas, tidak taksa serta dapat difahami dengan mudah dan tepat oleh khalayak sekali gus menepati ciri kesan kognitif yang tinggi dan kos memproses yang rendah. Situasi ini membuktikan penggunaan kedua-dua teori dalam kajian ini telah dapat membantu memperjelas maksud simbol visual yang hendak disampaikan oleh pihak kerajaan kepada khalayak sekali gus mencapai matlamat komunikasi visual yang dikehendaki.

Kata kunci: *infografik, visual, media sosial, semiotik, dan teori relevan*

PENGENALAN

Penggunaan visual infografik sebagai medium untuk menyampaikan pesanan khidmat masyarakat oleh pihak kerajaan di media sosial semakin rancak terutama ketika pandemik Covid-19 melanda negara. Infografik pesanan khidmat masyarakat ialah pengumuman berbentuk visual oleh pihak kerajaan bertujuan menyampaikan perintah, amaran ataupun maklumat aktiviti sosial yang dikira boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Komunikasi visual sebegini didapati berupaya memberi impak kepada masyarakat dengan berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan maklumat. Eichstaedt dan Silvia (2003), mengatakan bahawa visual ialah medium komunikasi yang mampu menyampaikan maksud kepada khalayak secara lebih cepat dan pantas. Bahan visual infografik yang pada awalnya diterbitkan secara bercetak kini turut diterbitkan dan dikongsi secara dalam talian di laman-laman sosial seperti *Twitter*, *Instagram* (IG), *Facebook*, *WhatsApp* dan sebagainya agar maklumat yang ingin disampaikan mencakupi khalayak yang meluas dan dapat difahami dengan baik. Ini menunjukkan sebarang penggunaan komunikasi visual yang bersesuaian dengan tujuan berupaya menggantikan komunikasi dalam bentuk lisan. Smiciklas (2012) seperti yang dipetik dalam Sharul A. S., Normah M. dan Shahrul N. S. (2020) mengatakan bahawa infografik ialah penggantian visual grafik berbentuk maklumat, data, atau informasi yang bertujuan untuk menerangkan dan mengintegrasikan maklumat yang kompleks dan rumit dengan cepat dan jelas.

Melihat pada kepentingan komunikasi visual yang dinyatakan, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana simbol-simbol visual dalam sesuatu bahan infografik dapat difahami dengan tepat oleh masyarakat menggunakan pendekatan semiotik dan pragmatik. Ahmad Shafique M. A. dan Hasmidar H. (2019), mengatakan penelitian berdasarkan pendekatan semiotik dapat menunjukkan hubungan lambang atau simbol dengan sesuatu makna sama ada makna konotasi ataupun denotasi manakala penelitian visual berdasarkan pragmatik pula bertujuan menjelaskan cara maklumat atau pun maksud yang ingin disampaikan oleh visual itu dapat diinterpretasikan oleh khalayak. Data diambil daripada bahan infografik khidmat masyarakat mengenai isu Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan" yang dikongsi oleh Kementerian Pengajian Tinggi di laman rasmi *Twitter* pada 2 September 2020. Infografik yang sama kemudiannya telah sama ada dikicau semula di akaun rasmi *twitter*, *facebook*, *Instagram* dan *whatsapp* oleh beberapa kementerian dan jabatan yang lain seperti Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Majlis Perbadanan Putrajaya, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain. Penelitian dan analisis yang menggunakan dua pendekatan teori ini akan dapat mengetengahkan makna sebenar mesej yang hendak disampaikan oleh pihak pemerintah kepada masyarakat sekali gus mencapai matlamat komunikasi yang diinginkan.

PEMASALAHAN KAJIAN

Penyampaian sesuatu maklumat oleh pihak kerajaan kepada sejumlah khalayak yang besar dapat berlaku dengan mudah dan pantas melalui penggunaan medium infografik berbentuk visual di media sosial. Selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi semasa, penyampaian sesuatu mesej dapat dilakukan dengan mudah (Sharul A.S, Normah M dan Shahrul N.S; 2020). Terdapat pelbagai aplikasi di media sosial yang berupaya menularkan sesuatu maklumat atau mesej secara pantas apabila dikongsi daripada seorang pengguna kepada pengguna yang lain seperti laman *Twitter*, *IG*, *Facebook*, *Telegram*, *Whatsapp* dan sebagainya dengan mengambil kira sifat media yang sangat fleksibel. Kebolehan mencapai sasaran khalayak yang besar dalam sekelip mata ini menyebabkan pelbagai bentuk infografik dicipta dan digunakan secara meluas oleh agensi kerajaan dan swasta ketika ini. Namun, persoalannya sejauh manakah mesej melalui simbol-simbol visual dalam bahan infografik ini berupaya difahami dengan mudah, jelas dan baik oleh masyarakat. Ini berikutan situasi pandemik Covid-19 yang mengekang aktiviti-aktiviti pertemuan secara suka-muka serta keperluan menjaga jarak sosial telah mencipta norma hidup yang baharu dalam kalangan masyarakat. Semua pihak sama ada kerajaan, swasta mahupun individu didapati

memaksimumkan penggunaan media sosial sebagai medium utama dalam memperoleh dan menyalurkan maklumat di antara satu sama lain. Di pihak kerajaan, penggunaan bahan infografik berkenaan Covid-19 di media sosial dimanfaatkan untuk memastikan maklumat berupa amaran, perintah, permintaan, nasihat dan sebagainya sampai kepada khalayak, dapat difahami dengan jelas untuk memastikan langkah-langkah pembendungan yang sepatutnya dapat diambil. Maka, kajian ini dilakukan untuk meneliti sejauh mana bentuk-bentuk visual semiotik yang dipaparkan dalam infografik khidmat masyarakat Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan" dapat difahami dengan menganalisis makna sebenar simbol visual yang digunakan dari sudut pandang pragmatik.

OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu (i) mengenal pasti simbol visual semiotik dalam infografik khidmat masyarakat Covid-19 berdasarkan Konsep Semiotik Peirce (1839-1914), dan (ii) menganalisis makna simbol visual semiotik dalam infografik khidmat masyarakat Covid-19 berdasarkan Teori Relevens.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan metod kualitatif dengan menggunakan dua teori, iaitu (i) teori Semiotik Peirce (1839 - 1914) untuk menganalisis simbol-simbol visual semiotik dalam bahan kajian, dan (ii) teori Relevan Sperber dan Wilson (1986) untuk menganalisis makna sebenar simbol-simbol visual semiotik berdasarkan sudut pandang pragmatik.


Teori Semiotik Peirce (1939-1914)

Analisis semiotik mulai dirintis oleh Ferdinand de Saussure (1857-1913) sebagai pengasas semiologi dan Peirce (1839-1914) sebagai pengasas semiotik (Berger, 2000). Peirce (1839-1914) menyebut tanda sebagai perwakilan, sedangkan objek merupakan konsep, benda atau gagasan. Manakala makna merupakan persepsi, pemikiran dan perasaan yang diperoleh dari sebuah tanda yang diberi istilah 'interpretasi' (Danesi, 2004). Model tanda yang dikemukakan oleh Peirce (1839-1914) adalah trikotomi atau triadik. Mengikut Peirce (1839-1914) proses pemaknaan tanda mengikut hubungan antara tiga titik ialah perwakilan (R), objek (O), dan interpretasi (I). R merupakan bahagian tanda yang dapat dipersepsikan secara fizik, yang merujuk kepada sesuatu yang diwakili olehnya (O), kemudian I adalah bahagian dari proses yang menafsirkan hubungan R dan O. Pierce (Danesi, 2004) menyatakan bahawa tanda sebagai perwakilan dan konsep, benda, idea, yang disebut sebagai objek sedangkan makna yang diperoleh akan disebut dengan interpretasi. Manakala objek (Y), perwakilan (X) iaitu elemen dan interpretasi (X=Y) Perwakilan Objek (Y) Interpretasi (X=Y).



Rajah 1: Teori Semiotik Peirce (1839 – 1914)

Konsep tersebut menunjukkan suatu hubungan segi tiga antara perwakilan, interpretasi, dan objek. Satu tanda akan dapat difahami dalam hubungannya dengan interpretasi, manakala satu tanda yang setara dapat berkembang dalam fikiran seseorang yang merujuk pada objek tertentu. Jelas dalam pemikiran Peirce (1839-1914) terdapat hubungan yang tidak boleh dipisahkan antara tanda dan interpretasi dengan objek yang dirujuknya. Di sinilah perbezaan utama idea Peirce (1839-1914) apabila dibandingkan dengan teori tanda yang digagas oleh Saussure (Danesi, 2004). Dalam kajian ini, pendefinisan kepada infografik menggunakan pendekatan yang dibawa oleh Stokes (2003). Pendekatan ini bermula dengan pendefinisan objek analisis dan pengumpulan teks (kumpulan tanda) seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 2: Analisis semiotik Stokes (2003)

Rajah 2 di atas menunjukkan analisis dimensi elemen fizikal yang terdiri daripada taksonomi logo, iaitu lambang, warna, gambar, serta tulisan dan mesej. Tulisan dan mesej mencakupi elemen seperti ujaran huruf, jenis huruf, warna huruf dan ketebalan huruf yang digunakan dalam sesuatu visual. Analisis ini akan menumpukan elemen warna, gambar serta tulisan dan mesej untuk mengenal pasti simbol visual yang terdapat dalam data kajian.

Teori Relevan Sperber dan Wilson (1986).

Teori ini menggariskan kepentingan konteks, kesan konteks dan kos memproses maklumat dalam segala perbualan atau peristiwa bahasa yang berlaku. Setiap penutur perlu memastikan penyampaian mesej mereka selari dengan konteks yang ada pada pendengar agar pendengar dapat membina kesan konteks dengan kos memproses maklumat yang rendah. Dengan cara ini sahaja maklumat yang hendak disampaikan akan menjadi berkesan (Nor Hashimah, J., 1992).

Konteks merujuk pada andaian-andaian yang terbina secara psikologi oleh pendengar mencakupi maklumat mengenai persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Konteks boleh juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan, keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Kesemuanya boleh memainkan peranan dalam menginterpretasikan ujaran (Nor Hashimah J., 1990: 49).

Kesan konteks akan wujud apabila berlaku interaksi di antara andaian pendengar dengan ujaran penutur. Dalam sesuatu perbualan, pendengar akan membina andaian-andaian tertentu yang ada dalam fikiran mereka untuk menghubungkan apa yang dituturkan oleh penutur bagi mencapai makna yang tepat. Proses ini dibantu oleh kewujudan konteks dalam sesuatu perbualan agar ia dapat berlangsung dengan lancar.

Kos proses memmanifestasikan usaha pendengar untuk memahami mesej yang disampaikan oleh penutur. Jika pendengar dapat memahami sesuatu ujaran itu dengan mudah, maka boleh dikatakan bahawa kos memproses maklumatnya rendah. Walau bagaimanapun, jika sesuatu ujaran yang disampaikan itu diikuti oleh pertanyaan-pertanyaan atau kemusykilan yang banyak daripada pendengar, bermakna kos memprosesnya adalah tinggi.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian memperlihatkan tanda visual dan linguistik yang terdapat dalam infografik khidmat masyarakat Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan" menepati tiga elemen fizik, iaitu gambar, warna dan tulisan dan mesej. Hal ini dipaparkan dalam Jadual 1.0 di bawah.



Gambarajah 1: Infografik Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan"

Berdasarkan infografik di atas, tiga elemen fizik yang dikemukakan oleh Stocke (2003), iaitu gambar, warna, dan tulisan & mesej digunakan untuk menganalisis data kajian. Hasil interpretasi terhadap tiga elemen yang dinyatakan akan dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Analisis Unsur Semiotik Pierce Dalam Infografik

Elemen	Perwakilan (X)	Objek (Y)	Interpretasi (X=Y)
Gambar	Pengorbanan dan Perjuangan	Doktor, Jururawat, Polis,	Empat kerjaya yang mempunyai hubungan secara langsung dengan nyawa, keselamatan dan keamanan

	Ketakutan/ Kebimbangan/ Ancaman	Bomba Askar Virus: Covid-19	hidup masyarakat. Antara tugas yang berkaitan dengan kerjaya ini ialah merawat pesakit, menyasat, menjalankan sekatan lalu lintas, menjaga keselamatan dalam negara dan lain-lain. Virus Covid-19 bersifat pleomorfik dengan kecenderungan bulat. Diameter rata-rata partikel adalah 125 nm dengan struktur virus yang berbentuk bola dan tonjolan seperti paku.
Warna	Perpaduan/ Kekuatan/ kepercayaan	Biru Merah Kuning Kelabu	Padanan kepada tiga warna ini melambangkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Biru mewakili kekuatan dan kepercayaan, yang harus diletakkan kepada semua masyarakat supaya bersama-sama menentang pandemik Covid-19. Merah melambangkan kekuatan dan kehangatan. Kuning dilihat sebagai pengharapan berakhirnya pandemik Covid-19 ini dan manusia dapat hidup bebas dan harmoni seperti dahulu.
Tulisan & mesej	Penekanan	Eksplisit : Tipografi huruf <i>Font</i> Arial Black	Pemilihan <i>font</i> ini lebih menampakkan penulisan tersebut jelas dan menonjol untuk pembaca memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pihak kerajaan.
	Penekanan	Warna huruf Hitam	Warna hitam sudah diterima sebagai warna yang selaras bagi pemaparan huruf pada tajuk iklan/ infografik/ poster agar mudah dilihat dan dibaca.
	Penekanan	Ketebalan huruf 24 dan 54	Ketebalan huruf yang berbeza pada tajuk infografik, iaitu <i>Kitalah</i> (24) <i>barisan hadapan</i> (54) menunjukkan penekanan dilakukan ke atas peranan dan tanggung jawab masyarakat (objek orang) supaya mudah dilihat, dibaca dan difahami dengan jelas.

Jadual 1 menunjukkan tiga elemen, iaitu gambar/symbol, warna, dan tulisan & mesej; dianalisis menggunakan tiga unsur dalam pendekatan semiotik Pierce, iaitu Perwakilan (X), Objek (Y) dan Interpretasi (X=Y). Hasil dapatan menunjukkan pemahaman terhadap bentuk-bentuk visual dalam data kajian bagi Perwakilan (X), iaitu (i) pengorbanan dan perjuangan yang dianalisis melalui Objek (Y) doktor, jururawat, polis, bomba dan askar, (ii)

perpaduan/kekuatan/kepercayaan melalui analisis Objek (Y) warna merah, biru, kuning dan kelabu, dan (iii) penekanan terhadap mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak melalui analisis Objek (Y) tipografi huruf, warna huruf, dan ketebalan huruf. Jalinan interpretasi (X=Y) yang terbentuk memerlukan representasi berdasarkan pengalaman yang berbeza-beza yang ada pada setiap manusia. Apa yang boleh disimpulkan daripada analisis semiotik ini ialah pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian tinggi (KPT) berhasrat memberitahu masyarakat tentang bahayanya wabak Covid-19, dan usaha untuk mengekang serta membendungnya terletak di bahu setiap individu dalam masyarakat melalui mesej "Kitalah Barisan Hadapan".

Walau bagaimanapun, analisis semiotik yang diperoleh memperlihatkan teori semantik Peirce hanya membolehkan penelitian dilakukan berdasarkan sifat simbol visual yang terdapat dalam bahan infografik dengan mencakupi rujukan yang diwakili sahaja. Untuk memahami maksud sebenar mesej yang ingin disampaikan oleh pemerintah (kerajaan) kepada masyarakat, maka analisis yang menggunakan pendekatan pragmatik harus dilakukan.

Analisis Unsur Visual Semiotik Berdasarkan Teori Relevans

Untuk memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat menerusi data kajian, simbol-simbol visual semiotik yang telah dibincangkan di atas akan dianalisis menggunakan teori Relevan. Aspek konteks dan andaian kognitif yang ada di dalam teori Relevan membenarkan huraian dilakukan dari sudut pandang pragmatik. Dapatan analisis diperlihatkan dalam **Jadual 2** di bawah. Bagi memperlihatkan analisis, hanya satu perwakilan (X), iaitu **perjuangan dan pengorbanan** yang diwakili objek (Y) **doktor, jururawat, polis, bomba dan askar** yang akan dihuraikan selepas jadual.

Jadual 2: Analisis Hubungan Unsur Semiotik Visual Dengan Teori Relevan

Perwakilan (X)	Objek (Y)	Konteks	Andaian Kognitif
Perjuangan dan pengorbanan	Doktor, Jururawat, Polis, Bomba Askar	1. Pekerjaan yang mulia dan dipandang tinggi 2. Penyelamat dan sentiasa sedia berkhidmat 3. Kesediaan memikul tanggung jawab yang sama.	1. Bidang pekerjaan yang mulia dan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana berkait dengan nyawa dan keselamatan mereka 2. Pekerjaan yang dianggap sebagai 'barisan hadapan negara' kerana sentiasa bersedia dan berusaha menyelamatkan masyarakat daripada pandemik yang melanda. 3. Setiap individu dalam masyarakat harus mengambil peranan dan tanggung jawab menjaga diri sendiri serta ahli keluarga dengan mematuhi perintah kerajaan untuk menangani pandemik Covid-19 tanpa bergantung lagi pada petugas "barisan hadapan negara" lagi.

Kebimbangan dan ancaman	Virus: Covid-19	1. Penyakit 2. Bentuk virus 3. Penyakit/ Kematian	1. Sejenis penyakit baharu yang sedang melanda dunia ketika ini, iaitu Covid-19. 2. Virus Covid-19 berbentuk bulat dan mempunyai rupa berpaku-paku, boleh mengancam kesihatan manusia. 3. Virus Covid-19 sangat bahaya kerana sifatnya yang mudah berjangkit, boleh membunuh sel-sel tubuh tubuh badan seseorang yang dijangkiti sekali gus menyebabkan mereka berhadapan dengan risiko kematian.
Perpaduan/Kepercayaan	1. Wama rasmi bendera Malaysia pada simbol orang, iaitu Merah, biru, kuning	1. Masyarakat majmuk 2. Kesediaan	1. Setiap individu dalam masyarakat harus bersama-sama berganding bahu menangani pandemik Covid-19 tanpa mengira kaum. 2. Pihak kerajaan percaya bahawa setiap masyarakat sudah bersedia memikul tanggung jawab menjaga keselamatan diri dan ahli keluarga daripada dijangkiti virus Covid-19.
Ancaman	Kelabu (virus Covid-19)	1. Sifat virus - sukar dikenal pasti kecuali setelah individu menerima jangkitan 2. Bahaya - berada di mana-mana sahaja dan boleh menjangkiti manusia pada bila-bila masa	1. Virus Covid-19 mudah berjangkit. 2. Virus Covid-19 amat bahaya, ada di sekeliling kita, dan setiap individu berpotensi dijangkiti jika tidak mengikut arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.
Perintah dan Amaran	Warna hitam (<i>font</i>) Tipografi Ketebalan huruf Mesej "Kitalah Barisan Hadapan"	1. Arahan kerajaan 2. Berhenti mengharap bantuan. 3. Memikul tanggung jawab	1. Kerajaan mengarahkan masyarakat supaya bersama-sama membantu negara menghadapi pandemik Covid-19. 2. Masyarakat sedar bahawa arahan terhadap petugas barisan hadapan untuk berjaga siang dan malam melindungi mereka ditamatkan. 3. Masyarakat diberi kepercayaan dan tanggung jawab menyelamatkan diri sendiri dan ahli keluarga dengan mematuhi peraturan standard dan langkah-

			langkah pencegahan yang telah ditetapkan.
--	--	--	---

Jadual 2 memperlihatkan simbol visual dalam tiga elemen semiotik, iaitu gambar, warna, tulisan & mesej dianalisis berdasarkan unsur konteks dan andaian kognitif bagi menentukan makna sebenar yang diwakilinya. Perwakilan (X), iaitu **perjuangan dan pengorbanan** yang ditandai oleh Objek (Y) **pekerjaan - doktor, jururawat, polis, bomba dan askar** didapati menepati tiga konteks; (i) pekerjaan yang mulia, (ii) penyelamat dan sentiasa sedia berkhidmat, dan (iii) kesediaan memikul tanggung jawab yang sama. **Konteks pertama** menjelaskan kemuliaan dan penghormatan tertinggi diberikan oleh masyarakat terhadap golongan yang terlibat dalam kerjaya yang dirujuk terutama ketika pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia secara am dan Malaysia secara khususnya. **Konteks kedua** pula menunjukkan pentingnya peranan yang dimainkan oleh golongan petugas barisan hadapan sepanjang tempoh pandemik Covid-19, iaitu sekitar Mac 2020 sehingga gelombang kedua (bermula Oktober 2020 sehingga artikel ini ditulis) dengan bertungkus lumus bekerja selama berbelas jam sehari demi memastikan nyawa mangsa wabak COVID-19 terselamat. Mereka juga bersedia berkhidmat pada bila-bila masa sahaja yang diperlukan oleh kerajaan. Golongan ini dilihat terpuji di mata masyarakat dan dianggap sebagai wira, wirawati dan "barisan hadapan negara". **Konteks ketiga** menjelaskan maksud yang lebih lanjut, iaitu masyarakat harus bersedia untuk memikul tanggung jawab yang sama seperti mana petugas barisan hadapan negara dengan memastikan diri sendiri dan ahli keluarga mematuhi perintah dan peraturan standard yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

Berdasarkan maklumat konteks yang ada, perwakilan (X) **perjuangan dan pengorbanan** didapati menepati prinsip relevan kognitif dan komunikatif yang digariskan dalam teori Relevan apabila ia mudah ditafsir dan difahami oleh khalayak. Ini bermakna, visual semiotik yang dipilih bersifat jelas dan tidak kabur serta mempunyai perkaitan makna yang signifikan (mengambil kira maklumat latar belakang kasus yang berlaku dan sedia difahami) sehingga membolehkan khalayak pembaca menanggapi maklumat yang diberikan secara persis; mengimplikasikan kos memproses yang rendah. Untuk membuktikan bahawa visual semiotik tidak memerlukan kos memproses yang tinggi, andaian kognitif dilakukan terhadap tanda perwakilan yang dikenal pasti. Maka, bagi kasus ini, andaian kognitif (iii) yang bercetak tebal dipilih sebagai paling hampir dengan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh kerajaan kepada masyarakat. Maklumat latar belakang tentang isu Covid-19 dalam kalangan masyarakat telah membentuk kesan konteks seterusnya membantu pemahaman mereka terhadap simbol visual kerjaya yang digunakan. Dalam hal ini, andaian kognitif (i) dan (ii) walau pun masih dianggap relevan, tetapi kurang menepati, bersifat lemah dan digugurkan. Begitu juga bagi perwakilan (X) yang lain (Kebimbangan dan Ancaman, Perpaduan/Kepercayaan, Ancaman, dan Perintah/Amaran), kaedah penentuan konteks dan andaian kognitif yang sama digunakan untuk menentukan maksud sebenar simbol visual (bercetak tebal) dalam data yang dianalisis.

Secara jelas, pemahaman yang tepat tentang simbol-simbol yang dikongsi dalam infografik ini amat penting supaya segenap masyarakat memahami maklumat yang ingin disampaikan oleh pihak kerajaan kepada mereka dan melakukan tindakan bersesuaian seperti mana yang telah digariskan. Berdasarkan data kajian, makna yang ingin disampaikan ialah kerajaan menggesa masyarakat agar berhenti meletakkan harapan dan tanggung jawab sepenuhnya kepada petugas barisan hadapan untuk menjaga keselamatan dan mengekang penularan pandemik Covid-19 di negara ini. Sebaliknya kini merekalah yang akan mengambil peranan menjaga diri sendiri dan ahli keluarga daripada dijangkiti wabak Covid-19 dengan mematuhi setiap peraturan standard yang telah digariskan.

Kesimpulan

Kedua-dua teori yang digunakan dapat membantu memberi interpretasi yang lebih jelas tentang maksud simbol visual dengan maksud sebenar dalam infografik Covid-19 "Kitalah Barisan Hadapan". Penggunaan infografik Covid-19 sebagai medium komunikasi khidmat masyarakat oleh pihak kerajaan di media massa didapati signifikan kerana simbol-simbol visualnya yang jelas, mudah difahami dan boleh dihubungkan secara langsung dengan kesan konteks (maklumat latar belakang) serta andaian kognitif (teori Relevan) untuk memberi gambaran sebenar tentang kerumitan isu yang sedang berlaku.

Rujukan

- Ahmad, S. M. A. dan Hasmidar, H. (2019) *Analisis visual komik Zunar berdasarkan semiotik Peirce dan teori relevans*. In: Linguistik Bahasa dan Pendidikan. Pusat
- Eichstaedt, J., & Silvia, P. J. (2003). *Noticing the self: Implicit assessment of self-focused attention using word recognition latencies*. *Social cognition*, 21(5), 349-361.
- Faridah, I, Tika, N., Fauziah, A., Chang, P. K., dan Normah, M. (2012). Bahasa Komunikasi Visual Dan Pengantaraan Produk: Satu Analisis Semiotik . Jurnal GEMA Online. Jilid12(1).
- Gusti A.V., Widiadnya P., (2020). Semiotika tanda verbal dan visual pada iklan kampanye pencegahan penyebaran covid-19, kulturistik: Jurnal Bahasa dan Budaya, Vol. 4, No. 2, July 2020, 10-18 Doi: 10.22225/kulturistik: 4.2.187
- Karjaleinen, T. (2007). It looks like a Toyota: Educational approaches to designing for visual brand recognition. *International Journal of Design 1* (1), 67-81.
- Kress, G. & Leeuwen, T.V. (2002). Colour as a semiotic mode: Notes for a grammar of colour. *Journal of Visual Communication*, 1(3), 343-368.
- Listia Natdjadja. (2002). Pengaruh komunikasi visual antara budaya terhadap pemasaran produk pada pasar ekspor ditinjau dari warna dan ilustrasi desain kemasan. *Journal Nirmana*, 4(2), 158-168.
- Nor Hashimah, J. (1992). Ganti nama Melayu Sarawak: Analisis Teori Linguistik. *Akademika* 40 (Januari 1992) 19 - 38.
- Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia, pp. 9-20. ISBN 9789674614331
- Perilaku Masyarakat di Jawa Barat Universitas ARS.
- Selly A. P. & Dasrun H. (2020). Iklan Layanan Masyarakat COVID-19 Di Media Sosial dan
- Sew, J.W. (2009). *Semiotik Persembahan Wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sew, J.W. (2015). Semiotics of performing in Najwa Latif's music videos. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(2): 299-321.
- Smiciklas, M. (2012). *The power of infographics: Using pictures to communicate and connect with your audiences (Que biz-tech)*. Paperback – June 25, 2012. US: Que Publishing.
- Sumbo Tinarbuko. (2009). *Semiotika komunikasi visual*. Yogyakarta: Jala Sutra.

eISBN 978-967-2486-38-1



9 789672 486381